

Umno Johor beri sokongan padu jayakan projek WPI

BH- 2/11/2007

Syarikat Singapura diterima, dialu-alu sebagai pelabur: Najib

Oleh Shamsul Kamal Amarudin

KUALA KANGSAR: Datuk Seri Najib Razak berkata, pemimpin Umno, terutama di Johor memberi kerjasama sepenuhnya kepada projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) serta menyokong termasuk pelabur dari Singapura.

Timbalan Perdana Menteri sehubungan itu berkata, adalah tidak benar bagi sesiapa mengatakan Umno Johor atau pemimpinnya tidak menyokong projek berkenaan.

"Saya berhubung dengan Menteri Besar Johor selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, sebentar tadi (petang semalam) bagi mendapatkan penjelasan dan beliau menyatakan Umno Johor menyokong penuh konsep WPI dan menjayakannya seperti dihasratkan Perdana Menteri.

"Malah, tokoh Umno Johor lain seperti Tan Sri Musa Hitam, Datuk Shahrir Samad dan lain-lain memberi sokongan terhadap konsep dan pembangunan WPI," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Kuala Kangsar, di sini, semalam.

Najib mengulas kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew dalam akhbar *Berita Harian* republik itu yang meminta syarikat Singapura menilai semula sama ada kehadiran mereka di WPI dialu-alukan berikutan ada protes daripada pemimpin Umno, terutama dari Johor.

Lee dipetik sebagai berkata, syarikat Singapura tidak boleh mengharapkan layanan istimewa Malaysia apabila melabur di WPI seperti 'layanan pemurah' diberikan China kepada pelabur melabur di wilayah Shenzhen.

WPI dibangunkan di kawasan seluas 2,217 kilometer persegi di selatan Johor adalah projek pembangunan ekonomi terbaru ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang disifatkan ramai pelabur mempunyai potensi dan bakal menyaingi wilayah Shenzhen.

Ditanya kenapa isu itu tiba-tiba muncul, Najib yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata ia seharusnya



TANDA INGATAN: Najib menerima cenderamata daripada Ketua Umno Bahagian Kuala Kangsar, Datuk Ramly Zahari sambil diperhatikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (kiri) selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kuala Kangsar, semalam.

nya ditanya kepada Lee sendiri kenapa dia membuat kenyataan berkenaan.

"Badan Perhubungan Umno Johor menjelaskan kepada saya bahawa mereka sudah mengadakan dua mesyuarat berhubung WPI dan dalam kedua-dua mesyuarat itu menyatakan sokongan kepada projek berkenaan," katanya.

Beliau berkata, dalam pelaksanaan WPI, tentu kerajaan mengambil kira kepentingan semua pihak dengan syarikat Singapura diterima dan dialu-alukan sebagai pelabur dalam kerangka perancangan pembangunan.

Katanya, sebarang terma diberikan kepada pelabur lain turut dinikmati syarikat Singapura seperti pengecualian syarat penyertaan Bumiputera dan kepentingan tempatan jika melabur di WPI.

"Ya bagaimanapun bukan bermakna kita menyetepikan kepentingan

Bumiputera sama sekali, tetapi akan cuba mengimbangnya dengan pendekatan tertentu seperti memberi galakan kepada syarikat gabungan Bumiputera melabur di WPI bersama pelabur Singapura, Timur Tengah dan negara lain," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB)

bukan memberi keistimewaan kepada golongan Bumiputera semata-mata, sebaliknya dinikmati kaum lain menerusi pelbagai program ekonomi serta pembasmian kemiskinan.

"Kita usah menjadi apologetik dan tersipu-sipu (apabila ada pihak mempertikai DEB), sebaliknya perlu bertegas membela apa yang kita fikirkan wajar kerana Umno selaku tonggak kerajaan tidak akan sama sekali menganiayai kaum lain," katanya.

Najib berkata, menerusi pelaksanaan program ekonomi dalam DEB, semua kaum memperoleh keuntungan apabila projek ekonomi dilaksanakan oleh kerajaan.

"Apabila projek pembinaan diberikan kepada kontraktor Bumiputera, bukan Melayu saja mendapat faedah, sebaliknya kaum lain memperoleh keuntungan kerana ketika ini 80 peratus industri bahan binaan dikuasai bukan Melayu," katanya.

FAKTA NOMBOR

Wilayah Pembangunan Iskandar

800,000

Peluang pekerjaan

RM180b

Jangkaan nilai pelaburan